



RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

FAHARASAT INISIATIF
MAMPU

**Mentransformasi
Perkhidmatan Awam
Untuk Produktiviti**



RMKe-11

FAHARASAT INISIATIF MAMPU

Mentransformasi Perkhidmatan Awam
Untuk Produktiviti

ISBN 978-983-9827-42-2

Hak Cipta Terpelihara

©Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



Diterbitkan oleh:

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya, Malaysia.

Tel: 603-8000 8000

Faks: 603-8888 5145

Laman web: www.mampu.gov.my

Kandungan

- 01 AMANAT Ketua Pengarah MAMPU
- 03 RMKe-11: Pertumbuhan berpaksikan Rakyat
- 05 RMKe-11: Bab 9 Mentransformasi Perkhidmatan Awam Untuk Produktiviti
- 07 Bidang Fokus RMKe-11
- 08 Fokus MAMPU Ke Arah Mentransformasi Perkhidmatan Awam Untuk Produktiviti
- 11 RMKe-11: Bidang Fokus MAMPU
- 12 RMKe-11: Strategi MAMPU Ke Arah Mempertingkatkan Penyampaian Perkhidmatan Dengan Mengutamakan Rakyat
- 13 RMKe-11: Strategi MAMPU ke arah mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat
- 14 RMKe-11: Strategi MAMPU ke arah memanfaatkan PBT untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti di peringkat tempatan
- 15 Bidang Fokus MAMPU Berteraskan Pelanggan
- 16 Program-Program MAMPU
- 17 Penjelasan Program-program MAMPU
- 19 Senarai Projek MAMPU
- 21 Penutup



AMANAT

Ketua Pengarah MAMPU

Dengan lafaz Alhamdulillah, saya panjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T. atas rahmat-Nya jua buku mini yang bertajuk Rancangan Malaysia Kesebelas : Faharasat Insiatif MAMPU dapat dihasilkan.

Penghasilan buku ini sangat signifikan kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di permulaan era Rancangan Malaysia Kesebelas. Dokumen ini dicadangkan bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi mestilah menjadi bacaan rujukan kepada semua warga MAMPU.

Buku ini merangkumkan semua inisiatif yang akan dilaksanakan oleh

MAMPU untuk mensejahterakan rakyat di sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Kepada semua warga kerja MAMPU, saya berasa amat berbesar hati jika tuan-tuan dan puan-puan dapat merealisasikan semua perencanaan besar MAMPU yang dinukilkan dalam buku ini.

“Buku ini memang ringan dan nipis dari segi saiz, namun amat berat dan sarat serta penuh dengan tanggung jawab kepada MAMPU bagi menjelmakan objektif dan strategi untuk memartabatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi tempoh 2016 hingga 2020”

Sebagai 'Nakhoda Bahtera' MAMPU, saya dapati kepercayaan pemegang taruh kepada MAMPU tergambar dengan jelas dalam bait-bait kalimah dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas. Sudah tentu ia satu harapan besar kerajaan yang tidak boleh dilaksanakan secara sambil lewa apatah lagi disia-siakan.

Buku ini memang ringan dan nipis dari segi saiz, namun amat berat dan sarat serta penuh dengan tanggung jawab kepada MAMPU bagi menjelmakan objektif dan strategi untuk memartabatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi tempoh 2016 hingga 2020.

Ketika kita masih bernafas dan memegang pendayung di 'bahtera' ini, mari kita gembungkan segenap kudrat dan iradat bagi menunaikan hasrat murni kerajaan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat.

Moga-moga usaha dan keringat yang jatuh di bumi bertuah Malaysia ini diberkati ilahi, Tuhan sekalian alam.

Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Zainal Rahim Bin Seman
Ketua Pengarah
MAMPU

RMKe-11: Pertumbuhan berpaksikan Rakyat

Dalam merealisasikan wawasan negara menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bertindak sebagai salah satu instrumen penting kepada pengurusan pembangunan dan pentadbiran negara. Dokumen tersebut bertemakan 'Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat' memperihalkan komitmen kerajaan mencorak perancangan pembangunan negara melalui enam teras strategik bagi kemakmuran negara.


Teras-teras strategik tersebut merangkumi:



-  **1** Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
-  **2** Meningkatkan kesejahteraan rakyat
-  **3** Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju
-  **4** Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan
-  **5** Memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi
-  **6** Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

Rancangan Malaysia Kesebelas yang dihasilkan di bawah lembayung Dasar Transformasi Nasional mengukir dimensi baharu bagi pembangunan masa hadapan negara yakni menjadi sebuah dokumen panduan utama kepada perkhidmatan awam dalam merencanakan program-program untuk kemajuan negara.

Dimensi baharu Rancangan Malaysia Kesebelas terarah kepada mengutamakan tindakan dan keberkesanan pelaksanaan dalam memastikan pencapaian sasaran negara maju, memberi tumpuan kepada pembangunan yang berpaksikan rakyat melalui pertumbuhan mampan dan inklusif, memperkenalkan pemacu-pemacu perubahan menerusi pendekatan inovatif bagi mempercepat pertumbuhan dan pembangunan dan akhir sekali, mengambil kira perspektif jangka panjang yakni pasca 2020 sebagai aspirasi rakyat terutamanya golongan muda bersiapsiaga untuk membina masa hadapan yang terbilang.



Mengutamakan tindakan

- Tumpuan kepada keberkesanan pelaksanaan
- Indeks Kreativiti sebagai alat untuk menilai impak dari sudut sosio-ekonomi bagi program dan projek

Berpaksikan rakyat

- Fokus kepada ekonomi berteraskan rakyat – meningkatkan akses kepada pendidikan, penjagaan, kesihatan, perumahan mampu milik dan mengecilkan jurang pendapatan

Pemacu perubahan

- Mempercepat pertumbuhan dan memastikan pembangunan yang inklusif

Mengambil kira perspektif jangka panjang

- Membentuk masa hadapan Malaysia pasca 2020 yang maju, progresif dan inklusif dari segi ekonomi, alam sekitar yang mampan dan rakyat yang bersatu dalam kepelbagaian, memiliki identiti kebangsaan yang utuh dan berkongsi nilai yang sama

RMKe-11: Bab 9

Mentransformasi Perkhidmatan Awam Untuk Produktiviti

Cabaran persaingan global yang dinamik dan kepesatan ledakan teknologi maklumat pada hari ini menuntut transformasi perkhidmatan awam yang hebat. Transformasi ini penting bagi memenuhi aspirasi pemegang taruh secara berterusan dan memperkasa perkhidmatan awam untuk membolehkan penyampaian perkhidmatan secara efisien dan bersepadu.

Hala tuju strategik pembangunan negara yang diiltizamkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas sesungguhnya meletakkan harapan tinggi kepada jentera pentadbiran kerajaan untuk melaksanakan segala pembangunan yang dirancang. Dalam aspek ini, bidang-bidang fokus transformasi perkhidmatan awam yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas wajar diberi penekanan lebih bagi menjayakan agenda kerajaan. Bidang-bidang fokus tersebut

“...MAMPU akan terus komited dalam menerajui misi transformasi ini melalui inisiatif-inisiatif pemodenan sistem penyampaian perkhidmatan dan pembaharuan dalam pengurusan dengan berfokuskan peningkatan produktiviti dan kualiti kerja yang unggul”

termasuk mempertingkatkan pengurusan projek, memperkukuh pengurusan bakat, mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat, merasionalisasikan institusi sektor awam dan memanfaatkan pihak berkuasa tempatan. Bidang-bidang fokus ini dikenal pasti sebagai resepi penting transformasi perkhidmatan awam dalam menyokong hala tuju negara mencapai negara maju yang berpendapatan tinggi.

Menyedari pentingnya perubahan dalam penyampaian perkhidmatan awam, MAMPU akan terus komited dalam menerajui misi transformasi ini melalui inisiatif-inisiatif pemodenan sistem penyampaian perkhidmatan dan pembaharuan dalam pengurusan dengan berfokuskan peningkatan produktiviti dan kualiti kerja yang unggul. Inisiatif-inisiatif bitara yang akan dilaksanakan MAMPU sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas akan berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi ini selaku penggerak dan agen perubahan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan awam. Inisiatif-inisiatif ini akan direalisasikan menerusi strategi jangka pendek dan jangka panjang yang akhirnya akan memacu perkhidmatan awam yang bersepadu dan berfokuskan pelanggan.

Tumpuan turut diberikan terhadap kecekapan kerajaan, tadbir urus bersama rakyat, pemanfaatan data, penekanan sebagai fasilitator kepada agensi-agensi awam dan pendekatan keseluruhan kerajaan berasaskan perkhidmatan dan maklumat. Usaha-usaha ini diyakini dapat menyemarakkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam perkhidmatan awam dan seterusnya menyumbang ke arah peningkatan ranking kerajaan dalam indeks-indeks persaingan utama global seperti *World Competitiveness Yearbook* dan *E-Government Development Index*.

Bidang Fokus **RMKe-11**



Mentransformasi Perkhidmatan Awam Untuk Produktiviti



Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat



Merasionalisasikan institusi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi



Memperkukuh pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam masa hadapan



Mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat



Memanfaatkan pihak berkuasa tempatan untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti di peringkat tempatan

Fokus **MAMPU** Ke Arah Mentransformasi Perkhidmatan Awam Untuk Produktiviti



Menyahut cabaran sebagai agensi peneraju dalam pemodenan pentadbiran awam, MAMPU menggalas tanggungjawab penting dalam merealisasikan transformasi penyampaian perkhidmatan sektor awam. MAMPU dalam hal ini komited untuk meletakkan tiang seri kepada perkhidmatan awam dengan memperbanyak penerokaan, penciptaan, pembangunan polisi pentadbiran dan pemodenan sektor awam dalam usaha untuk memastikan penyampaian yang bersepadu dan lancar, meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan kecekapan serta mengurangkan kos.

“Seiringan dengan aspirasi kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk meningkatkan perkhidmatan awam berfokuskan rakyat yang disokong dengan bakat yang lebih berkemahiran, kurang lapisan hierarki dan birokratik, kurang pemusatan kerja serta perkhidmatan yang lebih mudah dicapai, cekap dan berkesan untuk rakyat, MAMPU telah menyusuli bidang-bidang fokus yang dikenal pasti dengan strategi-strategi tertentu yang berupaya memberi impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam”

Bidang-bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas yang dikenal pasti yang mempunyai kaitan langsung dan secara tidak langsung dengan peranan MAMPU selaku penggerak dan agen perubahan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan awam termasuk:

- **Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat;**
- **Mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat; dan**





- **Memanfaatkan PBT untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti di peringkat tempatan.**

Seiringan dengan aspirasi kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk meningkatkan perkhidmatan awam berfokuskan rakyat yang disokong dengan bakat yang lebih berkemahiran, kurang lapisan hierarki dan birokratik, kurang pemusatan kerja serta perkhidmatan yang lebih mudah dicapai, cekap dan berkesan untuk rakyat, MAMPU telah menyusuli bidang-bidang fokus yang dikenal pasti dengan strategi-strategi tertentu yang berupaya memberi impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam.



RMKe-11: Bidang Fokus MAMPU

MAMPU akan memastikan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan menerusi pemakaian prosedur standard yang diiktiraf. Pematuhan kepada standard ini akan dipantau melalui proses penilaian sendiri oleh pegawai yang bertauliah daripada agensi berkaitan.

Di samping itu, MAMPU akan menjadi penggerak dan agen perubahan untuk memodenkan penyampaian perkhidmatan kerajaan.



**Mentransformasi
Perkhidmatan Awam
Untuk Produktiviti**



Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat



Mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat



Memfaatkan PBT untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti di peringkat tempatan

RMKe-11: Strategi MAMPU Ke Arah Mempertingkatkan Penyampaian Perkhidmatan Dengan Mengutamakan Rakyat



RMKe-11: Strategi MAMPU ke arah mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat

Memperkuhkan perancangan projek

- Meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan
- Mengoptimumkan pengagihan sumber
- Menambah baik kaedah pemilihan projek



Meningkatkan kecekapan pelaksanaan

- Meningkatkan penggunaan pelan standard yang diluluskan bagi pembinaan bangunan kerajaan
- Memastikan pelantikan kontraktor dan perunding yang kompeten
- Menambah baik pengurusan projek bagi perkhidmatan dan infrastruktur awam



Menambah baik pemantauan dan penilaian yang memberikan tumpuan kepada outcome

- Penekanan kepada pencapaian outcome berbanding output
- Pengurusan sumber yang lebih cekap dan memberi lebih nilai untuk wang bagi pelaburan awam



RMKe-11: Strategi MAMPU ke arah memanfaatkan PBT untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti di peringkat tempatan

Memperkuh penyampaian perkhidmatan oleh PBT

- Memastikan projek pembangunan negara sejajar dengan keperluan setempat
- Meningkatkan akses kepada perkhidmatan dan kepantasan bertindak PBT

Memperkasa dan meningkatkan akauntabiliti PBT

- Memperluas jangkauan untuk lebih memahami ekspektasi komuniti
- Memperkasa PBT berdasarkan tahap kesediaan

Mempergiat penglibatan masyarakat setempat dan perkongsian data oleh PBT

- Memperluas penglibatan komuniti dan badan bukan kerajaan
- Menambah baik pengumpulan dan perkongsian data oleh PBT




Bidang Fokus **MAMPU** Berteraskan Pelanggan

Mentransformasikan Perkhidmatan Awam untuk produktiviti dengan memanfaatkan pendekatan Kerajaan Digital. Tumpuan kepada penggunaan dan perkongsian data secara optimum serta menjulang inovasi sebagai pemacu produktiviti. Rakyat/Pelanggan terlibat dalam perancangan dan penyediaan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang bersepadu berfokuskan pelanggan.



Program-Program MAMPU

Dalam memastikan matlamat bidang-bidang fokus MAMPU tercapai, MAMPU telah mengenal pasti program-program yang relevan ke arah meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam. Program-program tersebut ialah penawaran perkhidmatan, perkhidmatan guna sama dan pengurusan maklumat, penglibatan kumpulan sasaran, pembudayaan inovasi dan pengurusan keselamatan. Program-program ini yang disusuli dengan projek dan inisiatif masing-masing bertindak sebagai kunci utama ke arah peningkatan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam.



Penjelasan Program-program MAMPU

PENAWARAN PERKHIDMATAN

Untuk mentransformasi penawaran perkhidmatan kerajaan yang berpaksikan rakyat serta meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penawaran perkhidmatan secara bersepadu dan lancar yang dapat meningkatkan kepuasan kumpulan sasaran. Tumpuan kepada **mengurangkan kerenah birokrasi**, memantapkan pelaksanaan **Kerajaan Digital**, menyediakan perkhidmatan yang **lebih inovatif**, memperluas liputan perkhidmatan yang **mudah diakses rakyat**.

PERKHIDMATAN GUNA SAMA DAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Untuk memantapkan **kolaborasi strategik** melalui penawaran perkhidmatan guna sama supaya dapat membantu **mengoptimumkan sumber** dalam agensi kerajaan dengan antara lain memanfaatkan data secara optimum dalam melaksanakan transformasi. Tumpuan untuk membantu agensi Kerajaan mereka bentuk **integrasi perkhidmatan** mengikut keperluan agensi yang berupaya meningkatkan kecekapan, keberkesanan perancangan, pengurusan organisasi dan penawaran perkhidmatan agensi-agensi kerajaan.

PENGLIBATAN KUMPULAN SASARAN

Untuk meningkatkan penglibatan kumpulan sasaran dalam mengenal pasti isu dan **penyelesaian isu secara kolektif dan kreatif** melalui maklum balas dan cadangan yang diterima. Tumpuan kepada **amalan tadbir urus bersama** kumpulan sasaran dengan meningkatkan pemahaman berkaitan keutamaan kumpulan sasaran dan dasar-dasar kerajaan, serta melibatkan mereka dalam perancangan dan penawaran perkhidmatan. Kerajaan akan memantapkan peranan daripada sebagai penyedia perkhidmatan kepada peranan sebagai fasilitator/pemudah cara.

PEMBUDAYAAN INOVASI

Untuk meningkatkan penghasilan dan penciptaan **inovasi baharu** dan **inovasi penambahbaikan** termasuk inovasi yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat seperti **inovasi sosial**. Tumpuan kepada pemantapan ekosistem inovasi yang berupaya **memacu produktiviti**. Inovasi hendaklah layak dipertandingkan di peringkat Jabatan/Kebangsaan/Antarabangsa dan hasil inovasi perlu juga **berupaya dikomersilkan atau direplikasi**.

PENGURUSAN KESELAMATAN

Untuk memastikan tahap keselamatan maklumat yang disimpan atau dikongsi **sentiasa boleh dipercayai**. Tumpuan kepada **kawalan keselamatan yang meliputi kawalan keselamatan akses, tempat penyimpanan maklumat dan keselamatan rangkaian**. Tumpuan turut diberi kepada **pembangunan kompetensi dan kepakaran** dalam bidang pengurusan keselamatan bagi memastikan segala ancaman keselamatan dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.

Senarai Projek

MAMPU 2016-2020

- 1 Penjenamaan Semula Pekeliling MAMPU (Semakan Semula PKPA dan Garis Panduan MAMPU)
- 2 Inisiatif *Search & Serve* - Inisiatif Merakyatkan Perkhidmatan Awam (Turun Padang)
- 3 Pemantapan Tadbir Urus Penawaran Perkhidmatan (Pengurusan Tadbir Urus)
- 4 Pentauliahan Kepakaran Agen Perubahan Sektor Awam
- 5 Pengukuhan Tadbir Urus 1MOCC (1MOCC Versi 2.0)
- 6 Pengurusan Teknologi dan Sistem Aplikasi 1MOCC (1MOCC Versi 2.0)
- 7 Pengurusan Operasi 1MOCC (1MOCC Versi 2.0)
- 8 Pengurusan Modal Insan 1MOCC (1MOCC Versi 2.0)
- 9 Pengukuran Prestasi Perkhidmatan 1MOCC (1MOCC Versi 2.0)
- 10 Penjenamaan Semula MAMPU dan Promosi
- 11 Hubungan Antarabangsa dan Pakatan Strategik Bersama Pemegang Taruh
- 12 Pembudayaan Inovasi melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Sektor Awam
- 13 Pembaharuan Pelaksanaan MS ISO, Fail Meja, Manual Prosedur Kerja, Borang Tindakan Kerja dan Piagam Pelanggan
- 14 Program Berimpak Tinggi 1 Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME HIP-1)
- 15 Organisasi Berprestasi Tinggi (HPO)
- 16 Semakan Proses dan Prosedur Kerja (BPR)
- 17 Penilaian Penarafan Bintang Sektor Awam
- 18 Pembudayaan Inovasi

- 19 Penyediaan Persekitaran Pekerjaan yang Kondusif (EKSA)
- 20 Pembangunan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Sektor Awam
- 21 Pelaksanaan Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA)
- 22 Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam (DTSA)
- 23 Pembangunan dan Pelaksanaan Repositori Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- 24 Pembangunan dan pelaksanaan 1GovEA
- 25 Pembangunan *Government Data Optimization Transformation Services* (GDOTS)
- 26 Pengukuhan *myGovernment Online Services Portal 2.0* (MOSP 2.0)
- 27 Pembangunan dan Pelaksanaan *Digital Document Management System 2.0* (DDMS 2.0) di Agensi Sektor Awam
- 28 Pembangunan dan Pelaksanaan *National Registries*
- 29 Pusat Pembangunan Prasarana Perisian Sumber Terbuka
- 30 Peningkatan *1GovAppstore*
- 31 Peningkatan *myGov Mobile*
- 32 Pusat Data Sektor Awam
- 33 Pengurusan Perkhidmatan Rangkaian *1Gov*Net*
- 34 Pengurusan Pelaksanaan *1Government Unified Comunication* (1GovUC)
- 35 Pengurusan Pelaksanaan Projek Ketirisan Maklumat Elektronik (DLP)
- 36 Pengurusan Pelaksanaan Prasarana Kunci Awam GPKI
- 37 Pengoptimuman Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC Versi 2.0)

Penutup



Sebagai agensi peneraju pemodenan tadbiran awam negara, MAMPU sememangnya memikul tanggungjawab penting dalam menzahirkan aspirasi kerajaan ke arah meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam. Dalam meneruskan usaha-usaha ke arah mentransformasi perkhidmatan awam supaya lebih berpaksikan rakyat, produktif dan cekap, Buku RMKe-11: Faharasat Inisiatif MAMPU ini melambangkan kesungguhan dan komitmen MAMPU untuk melaksanakan program-program di bawah RMKe-11 seiring dengan tuntutan ekosistem perkhidmatan awam masa kini dengan tumpuan diberikan terhadap program yang berteraskan rakyat.

Aspirasi sebagaimana yang tercatat dalam buku ini tidak akan terhasil tanpa komitmen jitu para pegawai dan kakitangan MAMPU keseluruhannya. Walhal bagi menjayakan pelaksanaan program-program yang dirancang, warga MAMPU seharusnya membuat pemantapan dan penambahbaikan secara berterusan terhadap projek dan inisiatif melalui pemantauan dan penilaian secara efektif dan efisien.

Sesungguhnya program-program yang diilhamkan dapat direalisasikan dengan jayanya dalam menuju ke arah negara berpendapatan tinggi dan pada masa sama menyiapiagakan perkhidmatan awam mendepani cabaran masa hadapan yang kian membesar.



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA

ISBN 978-983-9827-42-2



Aras 6, Blok B2
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, Malaysia

Tel: +6(03) 8000 8000 | Faks: +6(03) 8888 3721
E-mel : webmaster@mampu.gov.my
Laman web : www.mampu.gov.my